

Bentuk Tajuk Nama: Perubahan-Perubahan Di Dalam Katalog-Katalog Perpustakaan Universiti Malaya

oleh
Molly Chuah*

Terjemahan oleh Jalaludin Hj. Musa dan Noriyah Nor Abd. Rahim

Abstract: Before 1982, description of items in the University of Malaya Library card catalogues was done in accordance with rules specified in the first edition of the Anglo-American Cataloging Rules (AACR 1) with some local modifications. However with effect from 1st January 1982, the main author-title and subject card catalogues were closed. Records of new items are processed in MALMARC format and maintained in microfiche format (i.e. COM catalogue). Along with these changes, the Library has also decided to adopt the rules for description of items as laid down in the second edition of the Anglo-American Cataloging Rules (AACR 2). Essentially, the new headings formulated will be in the form most likely to be known to readers, i.e. the form most commonly appearing in works or citations, unlike the inverted or indirect forms found in many of the old AACR 1 entries. Consequently, some headings in the card catalogue will be in conflict with those in the COM catalogue. To facilitate the use of the catalogues, it is therefore essential that we bring our readers' attention to the major changes in the following types of name headings: personal author, corporate bodies, series, geographic names and uniform titles.

I. PENGENALAN

Sebelum tahun 1982, Perpustakaan Universiti Malaya mengekalkan katalog pengarang-judul dan katalog perkara dalam bentuk kad. Huraian bahan-bahan dibuat berdasarkan peraturan-peraturan yang digariskan di dalam *Anglo-American Cataloging Rules*, edisi 1 (AACR 1) dengan beberapa penyesuaian. Akan tetapi bermula dari 1hb Januari 1982, kad-kad katalog ini diberhentikan dan kerja-kerja mengkatalog dengan menggunakan komputer di dalam format MALMARC (Malaysian Machine Readable Catalogue) dimulakan. Katalog ini adalah dalam bentuk mikrofilm, iaitu Katalog COM. Sehubungan dengan ini pihak perpustakaan juga telah memutuskan untuk menukarkan amalan mendiskripsikan rekod kepada peraturan-peraturan yang telah digariskan di dalam *Anglo-American Cata-*

loguing Rules, edisi 2 (AACR 2) dengan membuat pilihan mengikut keperluan Perpustakaan Universiti Malaya dan juga dari Library of Congress.

Oleh kerana itu, pengguna-pengguna mungkin mendapati bahawa setengah tajuk-tajuk di dalam kad katalog biasa bercanggah dengan tajuk-tajuk di katalog COM. Oleh itu, adalah perlu perubahan-perubahan ini diterangkan, supaya pengguna-pengguna perpustakaan dapat membiasakan diri dengan bentuk tajuk yang baru, terutamanya apabila rekod-rekod lama dalam bentuk kad, akhirnya ditukarkan dengan format yang baru. Perubahan-perubahan besar adalah dalam jenis-jenis tajuk seperti berikut:— nama diri, nama perbadanan, siri, nama geografis dan judul standard.

*Bahagian Katalog, Perpustakaan Universiti Malaya.

II. NAMA DIRI (PERSONAL NAME)

Di dalam entri-entri AACR 1, nama diri bagi pengarang-pengarang dicatatkan sepenuhnya. Akan tetapi di dalam AACR 2, prinsip untuk membuat pilihan adalah berdasarkan ke atas nama pengarang

yang kerap digunakan dalam karya-karyanya, atau sebagaimana tercatat dalam sumber-sumber rujukan atau bentuk nama yang terbaharu digunakan:—

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Carter, James Earl, 1924—	Carter, Jimmy, 1924—
Abdul Aziz <i>bin</i> Abdul Hamid, <i>Ungku</i> , 1922—	Abdul Aziz, <i>Ungku</i> , 1922—

Apabila nama singkatan merupakan sebahagian daripada nama, maka ianya dicatatkan sedemikian,

tetapi sekiranya nama penuh diketahui, maka ia dituliskan di dalam tanda kurungan.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Lawrence, David Herbert, 1885–1930	Lawrence, D.H. (David Herbert), 1885–1930
Abdul Samad <i>bin</i> Said	A. Samad Said (Abdul Samad Said)

(ii) Nama Samaran (Pseudonym)

Mengikut prinsip, bagi pengarang-pengarang yang kerap menggunakan nama samaran di dalam karya-karya mereka, entri hendaklah direkodkan di bawah

nama samaran, dan bukan di bawah nama sebenar seperti yang pernah diamalkan sebelum ini:

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Dodgson, Charles Lutwidge, 1832–1898	Carroll, Lewis, 1832–1898
Kamaluddin <i>bin</i> Muhammad, 1922—	Keris Mas, 1922—
Abdul Rahman Hanafiah	Mana Sikana

(iii) Gelaran-gelaran Bangsawan dan Panggilan Penghormatan

Di dalam bentuk tajuk yang lama, gelaran-gelaran seperti *Sir*, *Datok* dicatatkan kepada nama individu dalam semua kes. Amalan sekarang mengikut pera-

turan AACR 2, ialah mencatatkan gelaran-gelaran itu, hanya jika ia sering digunakan bersama-sama dengan nama diri atau dalam karya-karyanya.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Fraser, <i>Lady</i> Antonia (Pakenham)' 1932—	Fraser, Antonia, 1932—
Beaconsfield, Benjamin Disraeli, <i>1st Earl of</i> , 1804–1881—	Disraeli, Benjamin, 1804–1881

(iv) Nama Melayu

Sebelum ini, nama Melayu yang dimulakan dengan berbagai-bagai bentuk 'Muhammad' dicatatkan di bawah bentuk yang standard iaitu 'Muhammad'. Mengikut peraturan AACR 2 sekarang, nama-nama

itu dicatatkan dalam bentuk sebagainya ianya digunakan oleh pengarang itu, tetapi semua bentuk nama-nama ini disusun mengikut ejaan 'Muhammad'.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Muhammad Taib <i>bin</i> Osman, 1934—	Mohd. Taib <i>bin</i> Osman, 1934—
Muhammad Yob <i>bin</i> Busu	Md. Yob <i>bin</i> Busu

(v) Nama Cina

(a) Di dalam bentuk tajuk yang lama, nama sendiri (author's given name) disempangkan. Mengikut peraturan AACR 2, ia dimulai dengan nama keluar-

ga, diikuti dengan nama sendiri yang tidak disempangkan, kecuali nama sendiri itu disempangkan dalam karya-karyanya.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Tan, Wan-hin	Tan, Wan Hin
<i>Tetapi</i>	
Tan, Chee-beng, 1950—	Tan, Chee-beng, 1950— (Nama sendiri disempangkan dalam karya-karyanya)

(b) Di mana nama Cina mengandungi unsur nama bukan Cina, amalan sebelum ini adalah mencatatkannya mengikut susunan: [nama keluarga], [nama sendiri Cina], [nama sendiri bukan Cina]. Mengikut

peraturan AACR 2, nama begini dicatatkan mengikut susunan:— [nama keluarga], [nama sendiri bukan Cina] [nama sendiri Cina].

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Chan, Tuck-hoong, Paul	Chan, Paul Tuck Hoong
Tan, Swee-ling, Winnie	Tan, Winnie Swee Ling

III. NAMA PERBADANAN

(i)(a) Berdasarkan AACR 1, beberapa nama perbadanan bukan-kerajaan dicatatkan mengikut nama

tempat (place name), tetapi sekarang ia dicatatkan terus di bawah nama sebenarnya.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Malaya. University (1962—)	Universiti Malaya
Chicago. University	University of Chicago

(b) Apabila terdapat berbagai-bagai bentuk nama, bentuk yang resminya dipilih. Jika tidak ada bentuk yang resmi, atau jika semua bentuk adalah resmi, bentuk yang terlebih dikenali dicatatkan. Kalau

tidak ada satu-satu bentuk yang lebih dikenali, bentuk yang paling singkat (termasuk inisialisma atau akronim) dipilih.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Institute of Electrical and Electronics Engineers. Power Group	IEEE Power Group
Association of Southeast Asian Nations. Sub-committee on Protein	ASEAN Sub-Committee on Protein

(ii) Di mana mengwujudkan dua nama perbadanan yang sama yang dicatatkan secara langsung,

penentuan geografis ditambah di dalam tanda kurungan selepas nama sesuatu badan tersebut.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
National Academy of Science, Washington, D.C.	National Academy of Science (U.S.)
National Academy of Science, India	National Academy of Science (India)

(iii) Mengikut peraturan-peraturan lama, nama sesuatu badan naungan di bawah sesuatu perbadanan dicatatkan sebagai satu unit kecil. Amalan sekarang

ialah mencatatkan unit naungan itu di bawah namanya sendiri, sekiranya nama itu lebih dikenali dan unik.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Stanford University. Hoover Institution on War, Revolution and Peace	Hoover Institution on War, Revolution and Peace
Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan	Perpustakaan Tun Seri Lanang
<i>Tetapi</i>	
Malaya. University (1962—). Perpustakaan	Universiti Malaya. Perpustakaan (Nama 'Perpustakaan' sahaja tak unik)

(iv) Mengikut AACR 1 beberapa nama perbadanan asing dicatatkan dalam bentuk asal (vernacular). AACR 2 mengizinkan nama perbadanan dicatatkan dalam mana bahasa yang mudah difahami oleh

pengguna-pengguna perpustakaan. Oleh itu, nama perbadanan dalam bahasa Inggeris biasanya telah dipilih. Untuk badan-badan tempatan, keutamaan diberikan bagi nama dalam bahasa Malaysia.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Ajia Keizai Kenkyūjo, Tokyo	Institute of Developing Economies (Japan)
Comité européen du béton	European Committee for Concrete
Consumers' Association of Penang	Persatuan Pengguna-pengguna Pulau Pinang
Malaysian Rubber Research and Development Board	Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia

IV. SIRI

(i) Amalan dahulu memerlukan judul siri, yang dimulai dengan akronim atau nama singkatan badan yang bertanggungjawab atau mengandungi jenis nama 'generic' (misalnya: Buletin, Jurnal, Buku panduan) yang ditambah pula dengan rangkaian kata yang mengaitkannya dengan badan yang bertanggungjawab,

hendaklah dicatatkan di bawah nama badan tersebut, diikuti dengan judul siri sebagai satu unit naungan. Walaubagaimanapun mengikut AACR 2, siri tersebut dicatatkan terus di bawah nama siri-nya.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Institute of Energy. Journal	Journal of the Institute of Energy
Singapore. National Museum. Memoirs	Memoirs of the National Museum (Singapore)
American Historical Association. AHA pamphlets	AHA pamphlets
Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia. MRRDB monograph	MRRDB monograph

Pengecualian

Walaubagaimanapun, bagi terbitan berkala yang kandungannya bercorak administratif, terutamanya mengenai dasar dan aktiviti-aktiviti perbadanan itu

(misalnya: buku panduan dan laporan tahunan), ia dicatat di bawah nama sesuatu badan tersebut, diikuti dengan judul sebagai unit bawahan.

Contoh:—

AACR 1 & AACR 2 (Katalog-katalog Kad dan COM)
Council for National Academic Awards. Annual report

(ii) AACR 2 menggariskan iaitu bagi judul-judul terbitan berkala yang hanya mengandungi nama 'generic' yang tidak unik, seperti Buletin, Jurnal, Abstrak dicatatkan sedemikian. Akan tetapi, untuk membezakannya dari sesuatu judul lain yang me-

makai tajuk yang sama dan untuk memudahkan kerja memfail dan mendapatkan maklumat, nama badan yang bertanggungjawab ditambah di dalam tanda kurungan selepas judul.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Malaysia. Bahagian Pertanian. Perkhidmatan Tanah dan Analisa. Bulletin	Bulletin (Malaysia. Bahagian Pertanian. Perkhidmatan Tanah dan Analisa)
U.S. National Museum. Bulletin	Bulletin (United States National Museum)

V. NAMA GEOGRAFIS (GEOGRAPHIC NAME)

(i) Mengikut AACR 1, tidaklah perlu supaya bentuk tajuk bagi nama sesebuah bandar diterangkan dengan nama negara. Namun demikian, mengi-

kut AACR 2, bentuk tajuk bagi nama bandar harus dibataskan dengan nama negara dalam tanda kurungan.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Bangkok	Bangkok (Thailand)
Paris	Paris (France)

(ii) Di bawah AACR 2, bagi nama-nama geografis asing nama dalam bahasa Inggeris lebih diutamakan. Nama asalnya hanya digunakan sekiranya judul berbahasa Inggeris tidak mudah ditentukan. Bagi nama-nama geografis tempatan dan bidanguasanya, bentuk dalam Bahasa Malaysia lebih diutamakan. Misalnya: *Melaka* bukan *Malacca*. Sejajar dengan

prinsip untuk menggunakan nama yang kerap dikenali dan menggunakan amalan Library of Congress sebagai panduan, beberapa perubahan-perubahan telah dibuat dan akan terus dibuat bagi nama-nama geografis dan bidanguasa yang berikut:—

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Argentina Republic	Argentina
China (National Government of the Republic of China, 1940—45)	China
China (People's Republic of China, 1949—)	
China (Reformed Government of the Republic of China, 1938—1940)	
China (Provisional Government of China, 1937—1940)	
China (Territory under Japanese Occupation, 1937—1940)	

China (Republic: 1949—)	Taiwan
Germany (Federal Republic, 1949—)	Germany (West)
Germany (Democratic Republic, 1949—)	Germany (East)
India (Republic)	India
India (Dominion)	
Korea (Republic)	Korea (South)
Korea (Democratic People's Republic)	Korea (North)
Philippines (Republic)	Philippines
Russia (1923— U.S.S.R.)	Soviet Union

VI. JUDUL STANDARD (UNIFORM TITLE)

Kadang kala, sesuatu karya diterbitkan di bawah berbagai judul. Hanya satu judul tertentu iaitu judul standard digunakan oleh pengkatalog untuk mengidentifikasikan sesuatu karya dan menyatukan semua edisi karya-karya tersebut. Sebagai contoh: 'Oliver Twist' karya Charles Dicken telah diterbit-

kan sebagai '*The adventures of Oliver Twist*', '*The parish boy's progress: Oliver Twist*', dll. Oleh itu satu judul standard [Oliver Twist] digunakan untuk mengidentifikasikan semua versi karya-karya tersebut. Judul standard sedemikian dicatatkan di dalam kurungan.

(i) Berdasarkan peraturan-peraturan yang lama, bahagian-bahagian karya ini yang mempunyai judul-judul tersendiri (distinctive title) dicatatkan sebagai unit bawahan kepada karya utamanya. Di dalam

entri AACR 2, judul-judul tersendiri bagi setiap bahagian yang diterbitkan secara berasingan dicatatkan secara langsung.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Tolkien, J.R.R. [The lord of the rings. 2. The two towers]	Tolkien, J.R.R. [The two towers]

(ii) Tajuk-tajuk AACR 1 bagi perundangan ialah terdiri daripada nama bidangkuasa, dan diikuti oleh bentuk judul kecilnya: *Law, statutes, etc.* Karya-karya sedemikian berdasarkan tajuk AACR 2 adalah

terdiri daripada nama bidangkuasa dan judul standard yang berikut bergantung kepada jenis karyanya:—

(a) Sekiranya karya tersebut merupakan satu koleksi yang lengkap ataupun sebahagian dari

perundangan selain dari satu himpunan perkara tertentu judul standard [Laws, etc.] digunakan.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Malaysia. Laws, statutes, etc. Akta-akta Parlimen, 1968.	Malaysia [Laws, etc.] Akta-akta Parlimen, 1968.

(b) Sekiranya karya itu adalah satu himpunan undang-undang mengenai sesuatu perkara dan himpunan tersebut mempunyai satu judul petikan

(citation title), maka judul petikan tersebut digunakan sebagai judul standard.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Gt. Brit. Laws, statutes, etc, Paterson's Licensing acts.	Great Britain [Licensing acts] Paterson's Licensing acts.

(c) Jika karya itu merupakan enakmen yang tunggal, judul standard yang digunakan ialah judul peti-

kan atau judul rasmi atau judul tak rasmi yang ringkas.

Contoh:—

AACR 1 (Katalog Kad)	AACR 2 (Katalog COM)
Malaysia. Laws, statutes, etc. Copyright act, 1969.	Malaysia [Copyright act 1969] Copyright act 1969.

VII. MENGAITKAN FORMAT YANG LAMA DAN BARU

Untuk memudahkan rujukan dan mendapatkan maklumat oleh pengguna-pengguna yang belum begitu biasa dengan entri yang baru, pertalian di antara lama dan baru diberikan dalam katalog COM. Rujukan daripada tajuk-tajuk bentuk lama kepada

bentuk baru didapati dalam katalog COM sahaja. Rujukan silang tidak lagi ditambah kepada katalog kad kerana katalog ini telah ditutup pada 31hb Disember 1981.

Contoh:—

Adler, Richard Brooks <i>LIHAT</i> Adler, R.B. (Richard Brooks)
American Association of Petroleum Geologists. Memoir <i>LIHAT</i> AAPG memoir

Rujukan

1. *Anglo-American Cataloging Rules*. North American text. Chicago: American Library Association, 1970.
2. *Anglo-American Cataloging Rules*. 2nd ed. Chicago: American Library Association, Ottawa: Canadian Library Association, London: The Library Association, 1978.
3. Hoffman, Christa F.B. *Getting ready for AACR 2: the cataloger's guide*. White Plains, N.Y.: Knowledge Industry Publications, 1978.
4. Tucker, Ben R. and John D. Byrum. AACR 2: background and summary. *Library of Congress information bulletin*, Oct. 20, 1978, pp. 640–652.